

# Pertemuan Mahathir-PM diharap jadi kenyataan

**KLUANG 11 Jun** - Walaupun di luar bidang kuasa untuk memaksa Tun Dr. Mahathir Mohamad berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menyuarakan isu terbuka di hati, tetapi Pergerakan Pemuda UMNO berharap ia dapat menjadi kenyataan.

Ketua pergerakan itu Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, pihaknya sentiasa berdoa kedua-dua pemimpin itu bertemu dan menyelesaikan isu-isu yang mungkin memerlukan perbincangan bersama.

"Kita hanya boleh berdoa tetapi kita tidak boleh paksa lebih-lebih lagi Pemuda golongan muda yang sentiasa menghormati pemimpin.

"Ini bukan tempat saya untuk meminta dan mengarahkan mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran menyatakan demikian berhubung sebarang usaha bagi membolehkan bekas Perdana Menteri itu dan Abdullah bertemu untuk menyelesaikan 'pergeseran' antara mereka yang kini secara terbuka diketahui umum.

Sebelum itu, Hishammuddin melancarkan Program Inovasi Bahagian Buku Teks di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abdul Jalil di sini.

Hubungan kedua-dua pemimpin itu baru-baru ini dilihat agak tegang apabila Dr. Mahathir mengkritik co-

rak kepimpinan Abdulah yang mengambil alih tampuk kepimpinan negara daripada beliau kira-kira dua setengah tahun lalu.

Bagaimanapun Hishammuddin melihat hubungan peribadi kedua-dua pemimpin yang disanjung tinggi itu adalah baik.

Ini terbukti semasa sambutan ulang tahun penubuhan UMNO ke-60 di Istana Besar, Johor dan mereka bertemu pada satu persidangan di Jepun baru-baru ini, jelas beliau.

"Saya kenal kedua-dua pemimpin kita ini tetapi bukan tempat saya untuk mengajar mereka," katanya.

Sehubungan itu, Hishammuddin menegaskan cadangan agar Pemuda UMNO melakukan gerakan bagi menjelaskan isu perhubungan Dr. Mahathir-Abdullah adalah tidak praktikal.

Malah katanya, adalah tidak adil isu tersebut diterangkan kepada khlayak umum oleh mereka yang tidak terlibat, akibatnya ia akan mengeruhkan lagi keadaan.

Hishammuddin berkata, banyak isu yang dibangkitkan selama ini seperti Proton dan Tambak Johor telah diperjelaskan sebelum ini.

Sekarang, ujar beliau, terserah kepada kebijaksanaan, ketabahan dan kesabaran Dr. Mahathir, Abdullah dan menteri-menteri yang terlibat dalam isu-isu berkenaan mencari jalan penjelasan.



**HISHAMMUDDIN** Tun Hussein melihat pelajar cacat penglihatan membaca al-Quran menggunakan sistem Braille selepas merasmikan Program Inovasi Bahagian Buku Teks di SMK Sultan Abdul Jalil, Kluang, semalam.